

21 SEP 2001

Keganasan-Persidangan

M'SIA PERLU AKTIF DALAM USAHA ANJURKAN PERSIDANGAN DUNIA, KATA DAP

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- DAP hari ini menggesa kerajaan supaya memainkan peranan aktif untuk mengadakan persidangan antarabangsa mengenai keganasan supaya peperangan menentang keganasan tidak menyebabkan mereka yang tidak bersalah turut menjadi mangsa.

"Walaupun Amerika Syarikat (AS) begitu asyik untuk bertindak bagi melegakan rakyatnya, kita mesti mencari jalan dan cara untuk meyakinkan mereka supaya tidak mengancam penduduk awam. Satu cara ialah dengan mengadakan sidang kemuncak dunia," kata naib pengerusi DAP Dr Tan Seng Giaw dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Mesir Hosni Mubarak telah mencadangkan supaya satu sidang kemuncak dunia diadakan bagi membincangkan keganasan.

Dr Tan berkata sebagai sebuah negara kecil, Malaysia perlu bekerjasama dengan negara-negara lain untuk mengadakan persidangan seperti itu dan dengan penyertaan AS.

"Kita berharap Amerika akan memberikan perhatian. Sementara kita tidak suka melihat rakyat AS yang tidak bersalah menjadi mangsa, kita juga tidak mahu kejadian sama berlaku di tempat lain," katanya.

Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York dan Pentagon di Washington dirempuh tiga buah kapal terbang yang dirampas pengganas pada 11 Sept lalu.

Sementara itu, Majlis Belia Malaysia (MBM) bersetuju bahawa kerajaan AS perlu bertindak balas terhadap insiden serangan itu tetapi setakat ini, isyarat-isyarat yang ditunjukkan oleh mereka amat merisaukan.

Presidennya, Saifuddin Abdullah berkata MBM membantah kenyataan Presiden George W. Bush dalam ucapannya kepada anggota Kongres and Senat AS hari ini di mana Bush dengan bongkak dan angkuhnya memberi kata dua kepada semua negara: "Sama ada anda bersama kami atau anda bersama dengan pengganas."

Katanya, yang paling mustahak, walaupun kerajaan AS berhak bertindak tetapi dalam tindakan-tindakannya, mereka tidak boleh sama sekali dibenarkan menggunakan kesempatan ini untuk menentukan agenda dunia.

"Iaitu daripada segi mendefinisikan makna pengganas, membezakan antara baik dan jahat dan akhirnya memburu semua pihak yang dianggapnya pengganas sehingga yang bukan pengganas pun menjadi mangsanya," katanya dalam satu kenyataan.

-- BERNAMA

DC AFY MOZ